



— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

MOMEN

2022



Majlis Perbandaran Selayang © 2022

DITERBITKAN OLEH

JABATAN KORPORAT

*Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.*

MPS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebagianya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senasak terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

JABATAN KORPORAT

*Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.*

Tel: +603-6126 5800

Fax:+603-6138 8933

Bebas Tol: 1800-222-677

E-Mel: korporat@mps.gov.my

www.mps.gov.my



— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

MOMEN

— 2022 —

M A M P A N | P R O G R E S I F | S E J A H T E R A





[mo.mén]

Definisi : (momén) waktu yg sangat singkat, saat, detik, ketika.
(Kamus Dewan Edisi Keempat)

SESI PERJUMPAAN MELATI EHSAN DAN SURAU BTS KE MPS

7 JANUARI 2022

MPS telah menerima kunjung hormat daripada Melati Ehsan Group of Companies yang diketuai oleh YBhg. Tan Sri Dato' Yap Suan Chee, CEO Melati Ehsan Group pada 7 Januari 2022 di Bilik Anggerik, Menara MPS. Kunjung hormat ini adalah untuk memberi keterangan lebih terperinci berkaitan projek-projek di Bayu Selayang Height, Pembangunan Kolam Air Panas, Bayu Resident Kg. Sri Temenggung dan Pembangunan Mampu Milik Sri Makmur. Pada masa yang sama juga, wakil daripada Surau Al-Fatah Bandar Tasik Puteri telah hadir dan mengadakan sesi perjumpaan bersama-sama MPS bagi membincangkan isu berkaitan permohonan tapak surau bagi kegunaan penduduk Garden Heights di Bandar Tasik Puteri Rawang.

Turut hadir Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS; Tuan Ir Haji Shaiful Nor Aidil bin Mohd Jaya, Pengarah Jabatan Kejuruteraan; Puan Sr. Norshima binti Norzlan, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta; Tuan LAr. Mokhtar Affendi bin Abd Ghani, Pengarah Jabatan Landskap; Puan TPr Noriza binti Bahari, Pengarah Jabatan Perancang Bandar; Puan Rusni binti Abdullah@Long, Pengarah Jabatan Bangunan dan Encik Shamsul Azlan bin Mohamad Anuar, Pengarah Jabatan Pusat Setempat (OSC).





PERHIMPUNAN TAHUN BAHARU 2022 DAN PELANCARAN LOGO 25 TAHUN MPS

10 JANUARI 2022

MPS membuka lembaran tahun 2022 dengan Penyampaian Amanat Tahun Baharu 2022 dan Pelancaran Logo sempena Sambutan 25 Tahun MPS yang telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS.

Majlis diadakan secara hibrid pada 10 Januari 2022 di Bilik Keraian, Menara MPS ini dihadiri oleh Tuan Ir. Cheremi bin Hj. Tarman, Timbalan Yang Dipertua, ketua-ketua WHIP Ahli Majlis dan para pengarah jabatan. Turut diadakan, penyampaian sumbangan bantuan bencana alam kepada 8 orang kakitangan MPS yang terkesan dengan musibah banjir besar dan tanah runtuh yang melanda Negara.

LAWATAN TIMBALAN YANG DIPERTUA KE GAMUDA GARDEN

12 JANUARI 2022



TUAN Ir. Hj. Cheremi bin Hj Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS bersama-sama Tuan LAr. Mokhtar Affandi bin Abdul Ghani, Pengarah Jabatan Landskap dan wakil-wakil daripada Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Korporat telah mangadakan lawatan tapak ke Gamuda Garden Central Park pada 12 Januari 2022. Objektif lawatan tapak ini adalah untuk melihat pembangunan landskap, fasiliti yang telah disediakan dan projek-projek yang bakal dibangunkan pada masa akan datang.



LAWATAN AUDIT NEGARA KE RUMAH DAIF

19 JANUARI 2022

LAWATAN daripada Jabatan Audit Negara Bagi Pengauditan Program Baik Pulih Rumah Di Bandar Di Bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Sesi 2020 & 2021 telah berlangsung pada 19 & 20 Januari 2022 melibatkan lima orang panel juruaudit yang diketuai oleh Encik Mohd Ariffin bin Abd Aziz dan diiringi oleh Encik Azreen Affendi bin Mohd Zainudin, Encik Mohd Sanusi bin Yusoff dan Puan Dayang Masnah binti Abd Rahim. MPS telah menerima peruntukan daripada pihak KPKT sebanyak RM312,691.50 pada tahun 2020 untuk membaikpulih 31 buah rumah daif manakala sebanyak RM164,407.93 diterima pada tahun 2021 untuk 11 buah rumah. Namun, sesi pengauditan tersebut melibatkan semakan dokumen dan lawatan fizikal ke 11 buah rumah sahaja daripada jumlah keseluruhan sebanyak 42 buah rumah daif yang telah dibaikpulih. Penerima bantuan ini terdiri daripada golongan miskin, miskin tegar dan golongan B40. MPS telah memperoleh skor pematuhan tertinggi di Negeri Selangor dan di tempat ke-4 bersama 6 PBT daripada 28 PBT seluruh Malaysia.





MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT ULANG TAHUN KE-25 MPS

27 JANUARI 2022

MAJLIS Bacaan Yasin dan Doa Selamat tanda membuka tirai sambutan 25 Tahun di Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves telah disertai oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, pihak pengurusan MPS bersama-sama para Penyelaras DUN, Ahli Majlis, wakil komuniti, wakil-wakil jabatan dan Agensi Daerah Gombak dan para kariah masjid. Turut hadir mantan Yang Dipertua MPS iaitu Dato' Haji Bakarudin dan Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor.

Acara dimulakan dengan Solat Maghrib dan diteruskan dengan bacaan Yasin serta doa selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Jamek Al-Amaniah. Majlis diakhiri dengan penyampaian sumbangan oleh MPS kepada pihak masjid.



LAWATAN KE MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

4 FEBRUARI 2022

MPS telah mengadakan lawatan Kerja Ahli Jawatankuasa Anti-Bribery Management Systems (ABMS) ke Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 4 Februari 2022 melibatkan 19 ahli jawatankuasa ABMS termasuk ketua skop. Turut hadir Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS.

Objektif lawatan adalah untuk meningkatkan kefahaman Ahli Jawatankuasa ABMS berkaitan pengenalan pematuhan terhadap Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan meningkatkan pengetahuan serta dapat memahami bagaimana ISO 37001:2016 mampu membantu dalam mengurangkan isu rasuah dalam sebuah organisasi.

PERLAWANAN PERSAHABATAN ANTARA MPS DAN MPHS

18 FEBRUARI 2022

JABATAN Penguatkuasa dan Keselamatan MPS telah mengadakan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan antara Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS dengan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS). Perlawanan telah berlangsung pada 18 Februari 2022 bertempat di Stadium MPS.

Perlawanan telah disaksikan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Awaluddin bin Zakaria Setiausaha MPHS dan Tuan Ahmad Faisal bin Baiduzaman Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS. Perlawanan ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan kerjasama dan hubungan sesama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



CABUTAN BERTUAH DI PEJABAT YANG DIPERTUA

23 FEBRUARI 2022



TUAN Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS bersama-sama Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS telah melaksanakan sesi cabutan bertuah MyMPS peringkat awal yang menawarkan hadiah wang tunai saguhati bernilai RM100 kepada 45 orang pembayar cukai MPS. Sesi cabutan ini telah diadakan di Pejabat Yang Dipertua MPS pada 23 Februari 2023.

PROGRAM CABUTAN BERTUAH 2021 BAGI MENGHARGAI PEMBAYAR CUKAI MPS

28 FEBRUARI 2022

SERAMAI 14 orang pembayar cukai taksiran telah berjaya memenangi Program Cabutan Bertuah 2021 MPS yang telah berlangsung pada 28 Februari 2022. Majlis ini dipancarkan secara langsung menerusi media sosial MPS. Program cabutan bertuah ini diadakan khusus untuk menghargai pembayar cukai taksiran MPS yang telah mendaftar dan membuat bayaran melalui portal MyMPS. Antara hadiah menarik yang telah dimenangi adalah hadiah utama berupa wang tunai berjumlah RM5,000 selain telefon pintar berjenama dan barang elektrik berjenama. Sesi cabutan 14 hadiah utama ini telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS; Tuan Ir. Hj. Cheremi bin Hj. Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS; Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS; Tuan U Chin Ong dan Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim, Ketua WHIP Ahli Majlis MPS. Selain itu, 45 orang pembayar cukai turut menerima hadiah cabutan bertuah berupa wang tunai saguhati bernilai RM100 setiap seorang.





SESI KUNJUNG HORMAT TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN) MERANGKAP PENGARAH UPEN SELANGOR KEPADA TUAN YANG DIPERTUA MPS

28 FEBRUARI 2022

MPS menerima kunjungan hormat daripada Tuan Mohamad Zahri bin Samigon, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan) pada 28 Februari 2022 di Bilik Anggerik, Menara MPS yang bertujuan untuk membincangkan tentang isu pembakaran daging khinzir dan penyalahgunaan premis kediaman di kawasan pentadbiran MPS. Turut hadir Puan Nor Azurah binti Nasir, Setiausaha Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS; Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat MPS dan Puan Mazurah binti Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPS.



TAKLIMAT CRM INTEGRITI

7 MAC 2022

TAKLIMAT Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Majlis Perbandaran Selayang telah disampaikan oleh penceramah, Encik Azuan bin Adzhar Penolong Pesuruhjaya, Ketua Unit, Unit Pemeriksaan dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Selangor pada 7 hingga 8 Mac 2022 di Mercure Hotels, Selayang.

Seramai 45 peserta terlibat dan mencapai matlamat serta objektif yang telah ditetapkan dan menjadi sebagai garis panduan kepada warga MPS dalam memastikan sistem penyampaian yang cekap, telus dan mesra dapat direalisasikan. Ia juga dapat meningkatkan kefahaman dan memperkemaskan tadbir urus pengurusan risiko rasuah di organisasi.

LAWATAN DARIPADA LEMBAGA PEMASARAN DAN PERTANIAN (FAMA) WILAYAH PERSEKUTUAN KE MPS

11 MAC 2022

MPS amat berbesar hati menerima lawatan daripada Lembaga Pemasaran dan Pertanian (FAMA) Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh Encik Asmuez bin Ahmad Yunus, Timbalan Pengarah FAMA Wilayah Persekutuan bersama 4 orang kakitangan pada 11 Mac 2022 bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk menerangkan fungsi dan inisiatif yang dijalankan oleh pihak FAMA kepada Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS.

Turut dibincangkan isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak FAMA Wilayah Persekutuan berkaitan persempadanan dan permit penjaja tani FAMA. Turun Hadir Puan Zulaina binti Abu Talib, Pengarah Jabatan Pelesenan, wakil dari Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Bangunan MPS.





KEJOHANAN GOLF BADAN BERKANUN 2022

13 MAC 2022

PASUKAN Golf Majlis Perbandaran Selayang telah menyertai Kejohanan Golf Persatuan Badan Berkanun Malaysia 2022 pada 13 Mac 2022. Kejohanan ini merupakan anjuran Persatuan Badan Berkanun Malaysia dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Institut Sukan Negara. Kejohanan kali ini diadakan secara berasingan daripada mesyuarat agung tahunan persatuan seperti kebiasaannya.

Pasukan Golf MPS telah berjaya menduduki tempat ke-tiga bagi kategori berpasukan manakala Mohd Azhar bin Md Yusof daripada Jabatan Penguasa dan Keselamatan MPS telah berjaya mendapat tempat ke-lapan terbaik daripada keseluruhan 136 orang peserta.

PROGRAM SKYWALK SEMPENA HARI WANITA

18 MAC 2022

MPS telah mengadakan Program Sambutan Hari Wanita pada 19 Mac 2022 bertempat di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong anjuran Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita & Keluarga MPS. Seramai 60 orang peserta terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis wanita, pengarah-pengarah wanita MPS, Ahli Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita & Keluarga MPS, kakitangan wanita MPS serta urus setia daripada Jabatan MPS telah berpeluang untuk melakukan aktiviti riadah yang menarik iaitu Forest Skywalk dan juga Nature Trekking.





SESI FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) BAGI PENYEDIAAN SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) ROADMAP KE ARAH PELAPORAN VOLUNTEER LOCAL REVIEW (VLR) MPS

20 MAC 2022

MPS telah mengadakan Sesi Focus Group Discussion (FGD) bagi penyediaan Sustainable Development Goals (SDGs) Roadmap ke arah Pelaporan Volunteer Local Review (VLR) pada 17 dan 18 Mac 2022 bertempat di Everly Hotel, Putrajaya. Sesi FGD dengan kerjasama Urbanice Malaysia ini disertai oleh Tuan Mohamad Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS; Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS; Ahli-Ahli Majlis; para pengarah dan pegawai jabatan. Taklimat serta sesi perbincangan dikendalikan oleh Tuan Dr. Azmizam Abd Rashid, Timbalan Ketua Eksekutif Urbanice Malaysia. Turut serta pada sesi FGD ini adalah Puan TPr. Ts. Norliza binti Hashim, Ketua Eksekutif Urbanice Malaysia. Antara pengisian taklimat ini ialah sesi perbincangan berkumpulan bagi memperincikan matlamat SDGs di MPS ke arah perbandaran mampan.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPS 2021

1 APRIL 2022

MAJLIS Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MPS Tahun 2021 telah diadakan pada 1 April 2022 bertempat di Templer's Ballroom, Setia Eco Templer, Rawang. Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

APC MPS 2021 telah memberikan pengiktirafan kepada 86 orang kakitangan serta menyampaikan penghargaan kepada 20 orang pesara MPS. Majlis turut dihadiri oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS; Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS; YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak; Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik Kawasan DUN Sungai Tua; wakil PTDG Gombak, Ahli-Ahli Majlis MPS dan pengarah jabatan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima APC yang diraikan pada kali ini.







ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021 (KUMPULANA DAN B)

1 APRIL 2022



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021 (KUMPULAN C)

1 APRIL 2022



PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020 (KUMPULAN D)

1 APRIL 2022



PENERIMA KUMPULAN PESARA

1 APRIL 2022



PERHIMPUNAN BULANAN DAN CERAMAH AMBANG RAMADAN

5 APRIL 2022

MAJLIS Perhimpunan Bulanan bagi bulan April dan sambutan bulan Ramadan Al-Mubarak 1443H Peringkat MPS telah diadakan pada 5 April 2022 bertempat di Bilik Keraian, Menara MPS. Turut diadakan penyampaian hadiah Pertandingan Stor Terbaik MPS 2021 dan simbolik penyerahan sumbangan pek makanan kepada kakitangan MPS sempena menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak. Pada majlis tersebut pihak MPS bersama Kelab Sukan dan Kebajikan MPS dan ANULAE MPS telah berkesempatan mengadakan ceramah agama bersama penceramah jemputan Al Fadhil Ustaz Haji Zulhazwan bin Ismail. Majlis ini dihadiri oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS dan turut disaksikan oleh Ahli Majlis dan warga kerja MPS secara dalam talian.





PROGRAM TADARUS AL QURAN (WANITA) 2022

11 MEI 2022

PROGRAM Tadarus Al-Quran anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan MPS, ANULAE Cawangan MPS, AKRAB & Majlis Bersama Jabatan MPS ini telah diadakan pada setiap hari Isnin hingga Rabu sepanjang bulan Ramadan 1444H bertempat di Surau Menara MPS. Program ini diketuai oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS dan turut disertai oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS.

LAWATAN TURUN PADANG TYDP KE BAZAR RAMADAN

12 APRIL 2022

TUAN Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS bersama Pengarah Jabatan Pelesenan telah turun padang ke Bazar Ramadan di Selayang Utama pada 12 April 2022 bagi melihat sendiri pematuhan SOP di bazar tersebut.

Lawatan turun padang ini bertujuan untuk memantau pematuhan SOP oleh peniaga bazar dan para pengunjung di samping melakukan pemeriksaan kebersihan dari segi pengendalian makanan, keselamatan dan kebersihan.





PEMBENTANGAN KIK KEPADА PENGURUSAN

14 APRIL 2022

PERTANDINGAN 'Cetus Idea Kik' Peringkat MPS Tahun 2022 telah diadakan pada 15 April 2022 bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Sebanyak 17 kumpulan telah mengambil bahagian terdiri daripada pelbagai jabatan dalaman MPS. Sesi penjurian bagi pertandingan ini telah diketuai oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS bersama-sama Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS dan Tuan Sulaiman bin Abu Samah, Ahli Majlis Zon 14.

Keputusan menyaksikan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah menjadi Johan dan mendapat Persembahan Terbaik, Naib Johan oleh Jabatan Pelesenan manakala tempat ketiga oleh Jabatan Landskap. Kumpulan yang telah berjaya akan terpilih untuk menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS).

LAWATAN TURUN PADANG YANG DIPERTUA KE BAZAR RAMADAN

20 APRIL 2022

TUAN Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS telah turun pandang yang bertujuan untuk memantau pematuhan SOP oleh peniaga bazar dan para pengunjung untuk melihat sendiri pematuhan SOP Bazar Ramadan di Selayang Utama pada 20 April 2022. Pemeriksaan kebersihan dari segi pengendalian makanan, keselamatan dan kebersihan turut diadakan kepada para peniaga.





PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK

21 APRIL 2022

TUAN Mohd Yazid bin Sairi, **Yang Dipertua MPS** bersama-sama **Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS, YAD Tan Sri Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak** merangkap Ahli Majlis MPS dan **Tuan Wan Anwar Wan Ibrahim, Ahli Majlis MPS** telah hadir berkunjung ke Program Memasak Bubur Lambuk dan Dodol sempena Bulan Ramadan 1443H anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS pada 21 April 2022 bertempat di Pekarangan Letak Kereta Menara MPS. Program yang bertemakan 'Rewang Retro' kali ini disertai oleh kakitangan daripada setiap jabatan dalam MPS. Sebanyak 17 periuk bubur lambuk dan 1 kuali dodol telah dimasak dan seterusnya dibungkus untuk diagihkan kepada seluruh kakitangan MPS. Pihak KSDK turut menyumbang pek bubur lambuk kepada orang awam yang datang berurus di MPS serta anggota polis yang bertugas di IPD Gombak. Bagi memeriahkan program, turut diadakan acara cabutan bertuah dan pertandingan-pertandingan sampingan khusus untuk kakitangan yang menyertai program ini.



SERAHAN KHEMAH DAN BUBUR LAMBUK KEPADA IPD GOMBAK

21 APRIL 2022

MPS telah menyerahkan sumbangan logistik berupa khemah bersaiz 20'x 20', meja banquet dan kerusi plastik kepada Pusat Operasi Agensi Barisan Hadapan dalam penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan dari Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak dan Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Buloh pada 21 April 2022 bertempat di Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak.

Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh Puan Sr. Norshima binti Norzlan , Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta mewakili Yang Dipertua MPS dan diserahkan kepada wakil Ketua Polis Daerah Gombak iaitu Supt. Noor Ariffin bin Mohd Nasir, Timbalan Ketua Polis Daerah Gombak. Manakala, Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Buloh diwakili oleh ASP Alias bin Timin, Ketua Bahagian Ketenteraman Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Daerah Sungai Buloh.



PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN (KTK)

21 APRIL 2022

BAGI memberikan penerangan dengan lebih terperinci berkenaan Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) di MPS, satu sesi taklimat telah diadakan pada 21 April 2021 bertempat di Dewan Beringin, Taman Seri Gombak bersama dengan pengusaha premis kilang dan pemilik tanah di kawasan Rawang dan Kampung Kerdas, Gombak. Seramai 211 peserta yang terdiri daripada pengusaha, pemilik kilang dan pemilik tanah telah menyertai sesi taklimat ini. Kaunter jabatan-jabatan teknikal MPS yang berkaitan turut dibuka bagi memudahkan sebarang pertanyaan daripada pihak pemilik atau pengusaha premis.

Hadir bersama adalah Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS; YB Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang; YB Sany Mohd Hamzan, Ahli Dewan Negeri Taman Templer; wakil PTD Gombak; Ahli-Ahli Majlis; para pengarah jabatan dan wakil-wakil jabatan dan agensi Daerah .





PROGRAM KUCING ANGKAT

22 APRIL 2022

MAJLIS Perbandaran Selayang buat julung kalinya telah menganjurkan program Kucing Angkat – ‘We Love Cat’ pada 22 April 2022 yang berobjektif untuk mencari rumah baharu buat kucing-kucing terbiar yang ditangkap oleh pihak MPS. Pada program ini sebanyak 50 ekor kucing dari pelbagai baka telah ditawarkan untuk dipelihara oleh orang ramai yang berminat dan sebanyak 13 kucing berjaya bertemu penjaga baharu.

MPS juga amat berbesar hati atas sokongan dan lawatan dari Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Encik Arie Dwi Andika. Selain memberi sokongan promosi, Persatuan Haiwan Malaysia juga telah memberi maklum balas positif, tips-tips penjagaan kucing serta beberapa cadangan tentang bagaimana penganjuran program kucing angkat ini dapat ditambah baik.



Momen 40



IHYA RAMADAN

25 APRIL 2022

MELALUI program Ihya Ramadan, MPS telah menyantuni Pertubuhan Amal Siraman Kasih di Bandar Country Homes pada 25 April 2022. MPS telah menyerahkan sumbangan berupa wang tunai berjumlah RM 2,000 berserta barang keperluan berbentuk barang elektrik dengan keseluruhan berjumlah RM11,350. Turut diadakan serahan sumbangan sepasang baju raya dan duit raya kepada 46 orang anak-anak yatim serta 20 orang penjaga Pertubuhan Amal Siraman Kasih. Penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS diiringi oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS bersama Encik Affendei bin Samingan, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat.



PROGRAM ‘SATU JAM, BERSAMA AL-QURAN’ BERSEMPENA DENGAN PROGRAM WORLD #QURANHOUR 2022

26 APRIL 2022

MPS telah menganjurkan program ‘Satu Jam bersama Al-Quran’ bersemepena dengan Program World #QuranHour 2022 secara serentak di seluruh dunia pada 24 Ramadan 1443H bersamaan 26 April 2022 bermula pukul 12.30 hingga 1.30 tengah hari. Program ini telah diadakan bertempat di Surau Menara MPS dengan disertai oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, pengarah jabatan dan kakitangan MPS.

Dengan bertemakan “Berinteraksi dengan Al-Quran: Dunia Berbudi dan Penyayang”, Program World #QuranHour yang disambut kali ke-7 ini membawa misi Surah As-Sajdah sebagai surah utama bagi mengajak orang ramai untuk berinteraksi dengan Al-Quran. Satu sesi tazkirah berkaitan Surah Al-Sajdah juga telah disampaikan oleh Encik Mohamad Faiz bin Omar dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS.



PERHIMPUNAN BULANAN DAN CERAMAH AMBANG SYAWAL SECARA HIBRID

27 APRIL 2022

MAJLIS Ceramah Ambang Syawal 1443H anjuran ANULAE MPS dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS telah diadakan secara hibrid pada 27 April 2022 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS.

Tirai majlis dibuka dengan sesi ceramah agama bersama penceramah jemputan iaitu YBhg. Dato' Ustaz Mohd Nizam bin Kamruzzaman yang bertajuk 'Endemik Syawal, Ibadat Jangan Lupa'. Turut diadakan acara-acara penyampaian iaitu penyampaian cenderahati peserta Program Tadarus MPS 2022, penyampaian sumbangan oleh KSDK kepada anak yatim kakitangan MPS, penyampaian hadiah pertandingan Cetus Idea KIK MPS Tahun 2022 dan pertandingan 'Voice of Ramadan' MPS 2022. Majlis ini telah dihadiri oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS mewakili Yang Dipertua MPS dan turut disaksikan oleh Ahli Majlis dan warga kerja MPS secara dalam talian.

MAJLIS RUMAH TERBUKA NEGERI SELANGOR PERINGKAT DAERAH GOMBAK

16 MEI 2022

MAJLIS Rumah Terbuka Negeri Selangor Peringkat Daerah Gombak telah diadakan pada 16 Mei 2022 bertempat di Tapak Bazar Ramadan Taman Melawati. Majlis ini disambut dengan begitu meriah dan dihadiri lebih 10,000 pengunjung. Terima kasih YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato Menteri Besar Selangor yang telah hadir bersama keluarga meraikan program ini. Turut hadir YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; YB Tuan Ng Suee Lim, Speaker Dewan Kerajaan Negeri Selangor; Exco-Exco Kerajaan Negeri Selangor; YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak; Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak; Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS; Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ bersama ketua - ketua jabatan di peringkat Negeri & Daerah Gombak. Sebanyak 13 gerai juadah jabatan dan agensi telah menyajikan pelbagai juadah istimewa di peringkat Daerah Gombak. Dalam majlis ini juga, YAB Dato' Menteri Besar turut berkesempatan menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir serta melawat gerai-gerai agensi dan menyampaikan hadiah bagi kategori gerai tercantik, gerai terbersih dan pakaian sedondon.










HARI BERTEMU PELANGGAN SECARA MAYA

18 MEI 2022

PROGRAM Hari Bertemu Pelanggan ini telah diadakan pada 18 Mei 2022 bermula pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari secara maya. Tujuan program Hari Bertemu Pelanggan ini diadakan secara dalam talian adalah bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk menyalurkan permasalahan, aduan dan cadangan kepada pihak pengurusan MPS. Program Hari Bertemu Pelanggan ini melibatkan semua Pengarah Jabatan dalaman MPS yang menggunakan platform Aplikasi Zoom Meeting bagi perjumpaan bersama pelanggan. Seramai enam (6) orang pelanggan yang telah mendaftar dan hadir bagi berurusan berkaitan permasalahan mereka. Antara aduan yang dikemukakan adalah berkaitan isu kacau ganggu, perkhidmatan MPS dan infra. Diharapkan program ini dapat dijadikan sebagai salah satu usaha MPS dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk setempat.



BANTUAN BANJIR DI KERLING HULU SELANGOR

19 MEI 2022

SATU sesi taklimat Misi Selangor Penyayang Bantuan Pasca Banjir di Baling Kedah bersama ketua-ketua sukarelawan telah diadakan bertempat di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Baling. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Rinizan bin Razali, wakil dari Pejabat Daerah dan Tanah Baling, Kedah. Turut hadir bersama YB Tuan Mohd Khairuddin bin Othman, Exco Generasi Muda, Sukan dan Modal Insan Negeri Selangor.

Sukarelawan MPS yang diketuai oleh Tuan Ahmad Faisal bin Badiuzzaman, Pengarah Jabatan Pengurusan dan Keselamatan MPS telah melakukan aktiviti pembersihan di beberapa kawasan kediaman yang terjejas di Seberang Jaya, Kampung Sadek Bukit Legung Kupang, Baling Kedah.





Momen 50



RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MPS

27 MEI 2022

MAJLIS Ramah Mesra Aidilfitri 2022 peringkat MPS telah diadakan pada 27 Mei 2022 bertempat di Pekarangan Menara Majlis Perbandaran Selayang. Majlis disambut dengan begitu meriah yang dihadiri oleh kakitangan MPS bersama ahli keluarga masing-masing. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS bersama para pengarah Jabatan telah berkesempatan menyantuni semua para tetamu yang hadir, antaranya adalah Tuan Mohamad Zahri bin Samigon, Timbalan SUK (Pengurusan) Selangor; YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak; YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang; YB Tuan Chua Wei Kiat, Ahli Dewan Negeri Rawang; YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan, Ahli Dewan Negeri Taman Templer; YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping, Ahli Dewan Negeri Bukit Lanjan; Penyelaras-Penyelaras DUN; Pegawai-Pegawai Daerah; Yang Dipertua Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan; Mantan YDP dan ketua-ketua jabatan di peringkat Negeri & Daerah Gombak. Sebanyak 13 gerai menyajikan pelbagai juadah istimewa yang dikendalikan oleh kakitangan-kakitangan dari setiap jabatan di MPS. Pada majlis ini juga, Tuan Yang Dipertua turut menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir serta mengunjungi gerai-gerai dan menyampaikan hadiah bagi kategori gerai tercantik, OOTD Raya kategori keluarga, King dan Queen. Majlis turut dihiburkan dengan persembahan nyanyian akustik oleh Kumpulan D'Xoras dan aktiviti kanak-kanak bersama badut-badut belon.







BENGKEL PENYEDIAAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2022

31 MEI-1 JUN 2022

BAGI memastikan pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) dapat dilaksanakan di peringkat MPS, satu bengkel Penyediaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) telah diadakan di Hotel Mercure, Selayang pada 31 Mei 2022 hingga 1 Jun 2022 melibatkan Timbalan Pengarah dan pegawai-pegawai MPS.

Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Azuan bin Adzhar, Ketua Unit Pemeriksaan dan Perundingan bersama Tuan Mohammad Fitri bin Ismail, Penguasa Unit Pemeriksaan dan Perundingan SPRM Negeri Selangor. Menerusi bengkel ini, penceramah telah menerangkan tentang garis panduan dan tatacara penyediaan OACP yang bersistematis. Turut diadakan sesi pembentangan draf kerangka OACP MPS oleh setiap kumpulan kepada Yang Dipertua MPS.

SESI FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) BAGI MEMBANGUNKAN SISTEM GEOSPATIAL BERSEPADU MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (GEOMPS)

3 JUN 2022

MPS telah mengadakan Sesi Focus Group Discussion (FGD) bagi membangunkan Sistem Geospatial Bersepadu MPS (GeoMPS) pada 3 Jun 2022 bertempat di Hotel Tenera, Bangi.

Sesi FGD dengan kerjasama Strata Bina ini disertai oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS, para pengarah dan pegawai jabatan. Taklimat serta sesi perbincangan dikendalikan oleh Tuan Mohd Fadlee bin Baba, Pengarah Projek Perunding Strata Bina.

Antara pengisian taklimat ini ialah sesi perbincangan berkumpulan bagi keperluan pengguna untuk mengenal pasti keperluan pembangunan sistem dan keperluan pembangunan pangkalan data di MPS ke arah pengurusan digital serta persiapan menuju kepada ‘Bandar Pintar’.



KEBUN KOMUNITI GERDEN 8, TAMAN PERWIRA

13 JUN 2022

KOMUNITI Garden 8, Taman Perwira dengan kerjasama MPS, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Universiti Putra Malaysia dan Agrobank Berhad telah menganjurkan Karnival Garden 8 pada 11 Jun 2022 bertempat di Garden 8, Taman Perwira Gombak. Karnival yang julung kali diadakan ini telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS dan turut dihadiri oleh YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak merangkap Ahli Majlis MPS Zon 2, Prof. Dr. Loh Teck Chwen, Pengarah UCTC UPM; Puan Zurina binti Othman, Ketua Pegawai Pengurusan Kredit Agrobank Berhad dan tetamu kehormat yang lain. Encik Iqmal Fajri bin Danial, Ketua Komuniti Garden 8 memaklumkan, objektif karnival ini adalah untuk menggalakkan penduduk setempat berkebun dan mengamalkan kehidupan lestari serta menyemai minat dan ilmu kepada kanak-kanak dan remaja dalam bidang pertanian. Turut diadakan pada karnival ini ialah aktiviti demonstrasi masakan, ceramah pengurusan pertanian dan jualan hasil tanaman serta makanan.





PROGRAM MASIH ADA YANG SAYANG DI KIDZANIA

26 JUN 2023

PENGANJURAN Program Masih Ada Yang Sayang merupakan aktiviti riadah bersama dengan anak yatim serta asnaf dan telah berlangsung pada 29 Jun 2022 bertempat di Kidzania, Petaling Jaya. Seramai 40 orang peserta yang berumur 6 hingga 12 tahun dari Rumah Penyayang Darul Ilmi telah menyertai program ini. Tujuan program ini diadakan untuk memberi peluang kepada anak-anak menambah ilmu pengetahuan melalui penerokaan secara kendiri dengan mempelajari kemahiran berinteraksi dan bersosial. Secara tidak langsung juga ia dapat memberi panduan dan gambaran kepada anak-anak tentang alam pekerjaan dan seterusnya menerbitkan rasa kecenderungan terhadap pekerjaan yang menjadi cita-cita mereka. Cenderahati seperti t-shirt dan goodies turut disediakan bersempena majlis bagi meraikan hari lahir anak-anak ini. Selain dari itu, Rumah Penyayang Darul Ilmi turut menerima sumbangan berbentuk wang tunai berjumlah RM 1,500.



PENJURIAN KEBUN KOMUNITI

5 JULAI 2022

SESI penjurian bagi Pertandingan Edible Garden sempena Program Kebun Komuniti MPS 2022 telah diadakan pada 5 hingga 6 Julai 2022 melibatkan 15 buah kebun komuniti di bawah JKP Zon Ahli Majlis MPS. Terdapat 3 kategori yang dipertandingkan iaitu Kebun Komuniti Terbaik, Plot Kebun Komuniti Terbaik Setiap Kebun dan Penyelenggaraan Kebun Komuniti.

Antara barisan juri yang telah dilantik ialah Puan Nur Alina Arni binti Md Morni, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN); Puan Nazirah binti Mohd Selamat, wakil Jabatan Pertanian Gombak/Petaling; Puan Mahani Amat binti Halimi, Pusat Transformasi Komuniti (UCTC) UPM; Encik Muhammad Mui'zzuddin bin Selamat, wakil Jabatan Perancang Bandar MPS dan Encik Muhammad Faisal Hilmi bin Jamaluddin, wakil Jabatan Landskap MPS.



PELEPASAN KONVOI BANTUAN BANJIR BALING

6 JULAI 2022

KERAJAAN Negeri Selangor menerusi Unit Pengurusan Bencana Negeri telah menggerakkan Misi Selangor Penyayang: Bantuan Pasca Banjir ke Baling, Kedah. Acara pelepasan konvoi telah diadakan di Dataran SUK, Shah Alam yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Acara pelepasan konvoi Sukarelawan MPS bagi mengikuti misi ini turut diadakan di Pekarangan Lobi Menara MPS. Konvoi ini disertai oleh 32 orang sukarelawan MPS bersama bantuan 8 buah jentera yang terdiri daripada 4 buah Hilux, 2 buah lori, sebuah lori tangki air dan sebuah lori pancutan air.



BENGKEL SEMAKAN SEMULA PELAN PENGURUSAN RISIKO DAN BENGKEL PENGEMASKINIAN DOKUMENTASI

6 JULAI 2022

BENGKEL Semakan Semula Pelan Pengurusan Risiko dan Bengkel Pengemaskinian Dokumentasi MS ISO 9001:2015 MPS 2022 telah diadakan pada 6 hingga 8 Julai 2022 bertempat di Espira Kinrara Resort, Puchong melibatkan Ketua-ketua Skop dan Ahli-ahli dokumentasi ISO.

Taklimat berkenaan dokumentasi ISO telah disampaikan oleh konsultan yang dilantik iaitu Tuan Mohd Kamal Fitri bin Mohd Ghazali dari Consultant Intellect Momentum Training & Consulting Sdn. Bhd.

Bengkel selama tiga hari ini membincangkan tentang pengurusan risiko dan peluang sedia ada serta penambahbaikan serta melihat kembali senarai dokumentasi setiap jabatan bagi memastikan prosedur ISO di MPS kekal relevan.

SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA PERINGKAT MPS

6 JULAI 2022

MPS telah meraikan Sambutan Hari Penguatkuasa MPS ke-40 pada Majlis Perhimpunan Bulanan yang telah diadakan pada 6 Julai 2022 bertempat di Dataran MPS. Sambutan ini bertujuan memperingati penubuhan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS yang telah 40 tahun menyumbang khidmat di MPS sejak tertubuhnya Majlis Daerah Gombak. Selain itu, sambutan ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada semua anggota penguatkuasa MPS yang telah berusaha meningkatkan keazaman, mutu kerja demi kemajuan dan kecemerlangan Pihak Berkuasa Tempatan ini.

Program yang telah dirasmikan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS bersama Ahli-Ahli Majlis dan para pengarah jabatan ini telah menyaksikan aktiviti perbarisan dan penyampaian Anugerah Khas kepada anggota Penguatkuasa berdasarkan kepada pencapaian sepanjang tahun 2021.





Momen 62



MPS ANJUR PROGRAM IBADAH KORBAN SEMPENA AIDILADHA

13 JULAI 2022

KELAB Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS bersama ANULAE Cawangan MPS, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MPS dan AKRAB MPS telah menganjurkan Program Ibadah Korban pada 13 Julai 2022 bertempat di Pekarangan Bangunan Lama MPS. Program Ibadah Korban dijalankan secara gotong-royong oleh kakitangan MPS untuk proses melapah dan membungkus. Daging korban telah diedarkan kepada 54 orang kakitangan MPS yang kurang berkemampuan.



OPERASI BERSEPADU MPS BERSAMA JABATAN IMIGRESEN NEGERI SELANGOR DAN KPDNHEP NEGERI SELANGOR BANTERAS PENIAGA WARGA ASING

20 JULAI 2022

MPS bersama Jabatan Imigresen Negeri Selangor dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Selangor telah menjalankan operasi bersepadu bagi membanteras peniaga warga asing pada 20 Julai 2022 di kawasan Matang Pagar dan Jalan Kusta, Sungai Buloh. Seramai 80 orang anggota telah terlibat dalam operasi ini dan MPS telah mengeluarkan sebanyak 12 kompaun dan 3 sitaan atas kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 7 Iklan 2007, Seksyen 74, Seksyen 3(1) Establisymen makan (MPS) 2007, UUK 3 Penjaja, Seksyen 3 Tred, UUK 3(1) dan UUK 3 Pusat Siber (MPS) 2007. MPS juga telah merampas minuman keras dan rokok seludup serta membuat serbuan kali ke dua ke atas pusat siber yang menjalankan aktiviti secara haram. 7 buah premis juga telah diarah tutup atas kesalahan tidak mematuhi syarat lesen. Dalam operasi yang sama, Jabatan Imigresen juga berjaya menahan 21 orang warga asing dan telah dibawa ke depoh tahanan. KPDNHEP telah mengambil tindakan menyita 1 unit alat timbang elektronik di bawah kesalahan Akta Timbang Dan Sukat 1972 dan juga tindakan kompauan atas kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

MPS SITA PREMIS HIBURAN TANPA LESEN PERNIAGAAN

22 JULAI 2022

MPS telah mengadakan Operasi Premis Hiburan Tanpa Lesen Perniagaan pada 22 Julai 2022 diketuai oleh Tuan Paramasivam Chelliah, Penolong Pegawai Penguatkuasa, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS. Serbuan yang bermula pukul 9.00 malam dan berakhir pada pukul 12.00 tengah malam dengan kekuatan 60 pegawai dan anggota itu dijalankan susulan risikan yang dilakukan sebelum itu. MPS telah mengambil tindakan tegas dengan menyita premis berkenaan disebabkan kelalaian pengusaha untuk memohon lesen walaupun sudah memberi masa dan kelonggaran sebaik-baiknya tanpa tindakan awal.

MPS turut mengeluarkan kompaun berjumlah RM25,000 kepada pengusaha premis bar dan hiburan di bawah Seksyen 6(1) Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Selangor 2001 kerana beroperasi tanpa lesen serta merampas pelbagai peralatan hiburan dan lebih 400 botol minuman keras yang tiada permohonan kebenaran menjual di premis mereka.



PROGRAM JELAJAH SELANGOR PENYAYANG PERINGKAT DAERAH GOMBAK

31 JULAI 2022

PROGRAM Jelajah Selangor Penyayang Peringkat Daerah Gombak telah berlangsung pada 31 Julai 2022 bertempat di Padang Awam Batu Caves dengan kehadiran kira-kira 8,000 orang pengunjung. Dengan bertemakan ‘Pendidikan Holistik, Generasi Muda Dinamik’, majlis pelancaran program ini telah disempurnakan oleh YAB Dato’ Seri Amirudin bin Shari, Dato’ Menteri Besar Selangor. Siri jelajah kali kelima ini disusun semula daripada Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) supaya seluruh penduduk di sekitar Daerah Gombak memperoleh manfaat yang disediakan oleh kerajaan Negeri Selangor. Pelbagai aktiviti telah disediakan buat pengunjung, antaranya program bual bicara bersama PUSPANITA dan PEKAWANIS, pertandingan gusti lengan, futsal dan sukan rakyat, permainan dalam talian Mobile Legends, pertandingan Choral Speaking untuk pelajar sekolah selain pameran dan jualan makanan.





PERLAWANAN PERSAHABATAN DI ANTARA PASUKAN PING PONG MPS DAN PASUKAN KELAB PING PONG PELAJAR UPSI

2 OGOS 2022

PASUKAN Ping Pong MPS telah menerima jemputan daripada Pasukan Kelab Ping Pong Pelajar UPSI untuk mengadakan perlwanan persahabatan pada 2 Ogos 2022 di Lobi Menara MPS. Perlwanan tersebut berlangsung dari pukul 3.00 petang hingga 7.00 malam dan melibatkan seramai 16 orang pegawai dan kakitangan. Pasukan Ping Pong MPS berjaya memenangi perlwanan dengan keputusan 7-2. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS dan Encik Mohd Zikry bin Zulkifle, Yang Dipertua Kelab Sukan dan Kebajikan MPS turut hadir memberikan sokongan kepada Pasukan Ping Pong MPS dalam perlwanan tersebut.





SESI PERJUMPAAN KOLEJ KOMUNITI BERSAMA YDP

5 OGOS 2022

MPS menerima kunjungan hormat daripada Kolej Komuniti Selayang pada 5 Ogos 2022 bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS. Pada kunjungan ini Tuan Yang Dipertua MPS telah menerima surat pelantikan sebagai Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti Selayang daripada Tuan Haji Mohd Ruzi bin Hamzah, Pengarah Kolej Komuniti Selayang. Di samping itu, turut diadakan sesi pembentangan berkenaan tadbir urus dan aktiviti Kolej Komuniti Selayang. Turut hadir wakil Jabatan Perancang Bandar MPS, Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS, Jabatan Landskap MPS dan Jabatan Korporat MPS.





PERHIMPUNAN BULANAN DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MPS

15 OGOS 2022

MPS telah mengadakan perhimpunan Bulanan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia peringkat MPS pada 15 Ogos 2022 bertempat di Lobi Menara MPS. Antara pengisian majlis ini adalah penyampaian Sijil Penghargaan kepada Ketua-ketua Komandan MPS yang terlibat dalam misi banjir di beberapa tempat.

Selain itu, turut diadakan penyerahan sijil Pencapaian Tahap Cemerlang Penilaian EKSA kepada Fasilitator EKSA MPS dan piala serta pingat kemenangan kepada pasukan Ping Pong MPS atas kejuaraan menjuarai pertandingan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) 2022. Pemberian dermasiswa kepada anak-anak kakitangan MPS yang memperoleh kejayaan dalam peperiksaan SPM 2021 dan serahan bendera kepada 24 orang Ahli Majlis MPS serta Tuan Haji Az'har bin Samsuri selaku wakil kakitangan MPS sebagai simbolik bagi Kempen Kibar Jalur Gemilang turut diadakan.

ANULAE cawangan MPS juga mengadakan acara memotong pulut kuning sebagai tanda meraikan ulang tahun yang ke-7 mereka. Pada akhir majlis ini, semua hadiran bersama-sama menyanyikan lagu Jalur Gemilang sambil mengibarkan bendera dan sesi fotografi.

Hadir sama YBhg. Dato' Haji Adnan bin Mat, Presiden CUE-PACS merangkap Pengerusi ANULAE Semenanjung Malaysia, barisan Ahli-ahli Majlis MPS, para pengarah jabatan MPS serta kakitangan MPS.



SESI PENILAIAN KEBANGSAAN BAGI GOMBAK-HULU LANGAT GEOPARK (GHL GEOPARK) PERINGKAT MPS

17 OGOS 2022

SESI Penilaian Kebangsaan bagi Gombak-Hulu Langat Geopark (GHL Geopark) peringkat Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada 17 Ogos 2022, di tiga buah lokasi penilaian iaitu Pekan Batu Arang, Taman Ekstrem Gua Damai dan Batu Caves. Program ini dijalankan selama 4 hari dan melibatkan 13 stesen di Daerah Gombak dan Hulu Langat. Sesi penilaian ini sebagai inisiatif yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor semenjak tahun 2019 dan merupakan langkah permulaan yang signifikan sebelum ke arah pengiktirafan sebagai UNESCO Global Geopark (UGGp) yang disasarkan pada tahun 2025.

Dua panel penilai yang terlibat pada sesi penilaian ini ialah Professor Madya Dr. Kamal Roslan, Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Langkawi dan Encik Ludi bin Apin, Timbalan Pengarah Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah. Turut serta dua pemerhati iaitu Dato' Dr. Mokhtar bin Saidin, Pengurus Jawatankuasa Pelaksana Geopark Kebangsaan dan Puan Ain Maisyarah binti Yazrol, Pegawai Tadbir (Geopark) Perbadanan Taman Negeri Perak.





PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM NEGERI SELANGOR BERSAMA KSN

21 OGOS 2022



WARGA Majlis Perbandaran Selayang begitu teruja menyertai Program Santai bersama Ketua Setiausaha Negara pada 21 Ogos 2022 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Pada program ini, Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS berkesempatan bersama-sama menyertai Fun Ride. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti aerobik, persembahan pentas, permainan tradisional seperti congkak, dam haji, sepak takraw, teng-teng serta aktiviti menaiki belon udara panas.

Turut hadir YBhg. Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bersama barisan EXCO Negeri Selangor dan Ketua-ketua Agensi Kerajaan Negeri Selangor.

LAWATAN DARIPADA MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG KE MPS

24 OGOS 2022

MPS telah menerima lawatan daripada Majlis Perbandaran Pengerang pada 24 Ogos 2022 bagi melihat pengurusan dan kemudahan yang disediakan di Pusat Tahanan Haiwan MPS. Lawatan diketuai oleh Encik Md. Rohaizad bin Sujani, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kesihatan Awam dan Perlesenan Majlis Perbandaran Pengerang dan disambut oleh Encik Azhar bin Che Salleh selaku Ketua Bahagian Kesihatan Awam MPS.

Pada lawatan tersebut, Encik Azhar bin Che Salleh telah memberi taklimat mengenai Pengurusan Unit Kawalan Haiwan MPS. Diharapkan kerjasama seperti ini dapat meningkatkan jaringan perkongsian maklumat bagi kelestarian kesejahteraan bandar secara mampan.





ROAD TOUR PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK DIANTARA MPS DAN MBPP SAMBUTAN 25 TAHUN MPS

26 OGOS 2022

ROAD Tour Perlawanannya Persahabatan Bola Sepak di antara Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang sempena Sambutan 25 Tahun MPS telah berlangsung pada 25 Ogos 2022 bertempat di Stadium Bandaraya Pulau Pinang, Georgetown. Seramai 32 orang yang terdiri daripada urus setia, pengurus pasukan, jurulatih dan atlet yang merupakan kakitangan dari pelbagai jabatan telah dipilih bagi mewakili Pasukan Bola Sepak MPS ke perlawanan tersebut.

Tujuan Road Tour ini diadakan adalah sebagai latihan dan penanda aras bagi mengukur tahap kemampuan Pasukan Bola Sepak MPS. Selain itu, program ini juga merupakan langkah pertama dalam usaha dan hasrat Yang Dipertua MPS untuk memperkuatkkan prestasi Pasukan Bola Sepak MPS supaya lebih cemerlang dan setanding dengan pencapaian pasukan bola sepak dalam kalangan PBT-PBT Malaysia. Pasukan Bola Sepak MPS telah memenangi perlawanan persahabatan ini dengan keputusan 2-1. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, barisan Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ahli Majlis MPS turut sama hadir memberikan sokongan kepada pasukan Bola Sepak MPS.

BATTLE OF BUSKERS KUANG

29 OGOS 2022

PERTANDINGAN Battle of Buskers Lagu Rakyat bersempena Program Jom Rewang Sekampung 2022 Peringkat Daerah Gombak anjuran Majlis Perbandaran Selayang dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah berlangsung pada 29 Ogos 2022 di Dataran Kompleks Penghulu Mukim Kuang. Pertandingan yang julung kali diadakan ini menampilkan 9 kumpulan busker yang berentap bagi meraih hadiah wang tunai dan diadili oleh 3 orang juri profesional.





LAWATAN KE KOLEJ KOMUNITI SELAYANG

30 OGOS 2022

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan lawatan ke Kolej Komuniti Selayang (KKSY) pada 30 Ogos 2022 melibatkan 24 orang Ahli Majlis MPS bersama Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Tuan Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS dan Pengarah Jabatan MPS. Lawatan ini bertujuan membuka ruang kepada Ahli Majlis untuk melihat dengan lebih dalam lagi program dan perkhidmatan yang disediakan oleh KKSY serta memperluaskan potensi penganjuran aktiviti yang dapat memperkasakan komuniti setempat. MPS juga berpeluang melawat tarikan utama KKSY iaitu Restoran KM 16, Dapur Kulinari & Pastri, Asha Nur Suite (Bilik Simulasi Kaunter Hadapan), Studio Fesyen, Bengkel Pembuatan Model dan banyak lagi.



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-65 PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022

30 OGOS 2022

SAMBUTAN Hari Kebangsaan ke-65 Peringkat Negeri Selangor Tahun 2022 telah berlangsung di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam pada 30 Ogos 2022. Majlis penuh bermakna itu disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Pelbagai acara telah diadakan seperti perarakan kontinjen, persembahan anggota beruniform dan pertunjukan bunga api serta persembahan pentas oleh artis terkenal. MPS turut menghantar kontinjen perbarisan pada malam sambutan Hari Kebangsaan ini. Turut hadir Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS bersama Ketua-Ketua Agensi Negeri Selangor.



LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS BANDARAYA IPOH (MBI) KE MPS

8 SEPTEMBER 2022

MAJLIS Bandaraya Ipoh (MBI) telah hadir ke MPS bagi Lawatan Penandaaran yang diketuai oleh Encik Mohd Syazlan bin Mohd Isa Suffian, Pengarah Perbendaharaan Bandaraya bersama 40 kakitangan Jabatan Perbendaharaan MBI pada 8 September 2022.

Lawatan ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan bil digital cukai taksiran serta penggunaan aplikasi MYMPS. Turut diadakan sesi perkongsian tentang tindakan promosi dan hebahan pendigitalan bil cukai taksiran serta strategi dan tindakan MPS dalam penguatkuasaan cukai taksiran selepas tempoh pandemik Covid-19.

Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPS. Turut hadir ialah wakil dari Jabatan Korporat, Jabatan Perundangan serta Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS.





KARNIVAL EKSTREM GUA DAMAI

10-11 SEPTEMBER 2022

MPS dengan kerjasama dan sokongan daripada Tourism Selangor serta Tourism Malaysia telah menganjurkan Karnival Ekstrem Gua Damai 2022 sempena sambutan 25 Tahun MPS pada 10 dan 11 September 2022 di Taman Ekstrem Gua Damai. Karnival ekstrem yang berlangsung dengan sangat meriah ini menampilkan acara utama iaitu BASE Jump membabitkan seramai 14 penerjun profesional dari 5 buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Australia, Amerika Syarikat dan Afrika Selatan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Selain sukan BASE Jump oleh penerjun profesional, pelbagai sukan ekstrem lain seperti rock climbing, slackline, jumaring, roller blade, flying fox, tree climbing, paint ball dan abseiling turut disediakan. Lebih 3,000 pengunjung telah hadir sepanjang dua hari program berlangsung. MPS berharap program seperti ini dapat menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif selain menyokong usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam mempromosikan lokasi pelancongan dan sukan ekstrem di Negeri Selangor.









KURSUS PENYELENGGARAAN POKOK AMENITI DAN ASPEK KESELAMATAN MENGGUNAKAN KAEDAH TERBAIK ARBORIKULTUR TAHUN 2022

15 SEPTEMBER 2022

MPS telah mengadakan Kursus Penyelenggaraan Pokok Ameniti dan Aspek Keselamatan Menggunakan Kaedah Terbaik Arborikultur Tahun 2022 pada 15 September 2022 di Templer Ballroom, Setia Eco Templer, Rawang. Seramai 39 wakil kontraktor daripada pelbagai syarikat dan 4 orang kakitangan Jabatan Landskap MPS telah menyertai kursus selama dua hari.

Objektif kursus adalah untuk memberi kesedaran dan pengetahuan teknikal berkaitan kerja-kerja penyelenggaraan pokok ameniti dan keperluan serta kepentingan aspek keselamatan semasa pelaksanaan kerja-kerja di tapak kepada semua kontraktor yang terlibat. Majlis penutup dan penyampaian sijil kepada peserta kursus ini telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Turut hadir ialah Ahli Majlis MPS dan pengarah-pengarah Jabatan MPS.

MESYUARAT KHAS BELANJAWAN MPS

19 SEPTEMBER 2022

MESYUARAT Khas Belanjawan MPS telah diadakan pada 19 September 2022 bertempat di Bilik Siantan Bangunan Lama MPS. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Dengan tekad dan kerjasama yang ditunjukkan oleh Ahli Majlis dan seluruh warga Majlis Perbandaran Selayang, tidak mustahil ianya boleh dicapai. Pelbagai program pembangunan dan aktiviti akan dilaksanakan pada tahun 2023.





SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT MPS

23 SEPTEMBER 2022

SAMBUTAN Hari Wanita peringkat MPS telah diadakan pada 23 September 2022 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS. Sambutan yang dianjurkan oleh Biro Wanita ANULAE Cawangan MPS dan Biro Wanita Kelab Sukan dan Kebajikan MPS ini melibatkan semua kakitangan wanita MPS dan telah dirasmikan oleh Yang Dihormati Puan Ainulma binti Ab. Ghani, isteri kepada Yang Dipertua MPS.

Majlis telah diserikan dengan sesi taklimat oleh Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertajuk ‘Keselamatan Wanita dan Cabaran Masa Kini’ yang disampaikan oleh Puan Inspektor Zanariah binti Ismail, dari IPD Gombak. Selain itu, turut diadakan pertandingan memasak jemput-jemput, pertandingan pakaian beragam dengan bertemakan Bollywood, cabutan bertuah serta pertandingan karaoke.





PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT DAERAH GOMBAK

24 SEPTEMBER 2022

PROGRAM Penanaman Pokok sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Daerah Gombak telah diadakan pada 24 September 2022 bertempat di Dewan Bougainvillea, Kampung Sungai Kertas. Program yang dijalankan serentak di seluruh Negeri Selangor ini melibatkan 9 buah daerah telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, Raja Muda Selangor. Turut hadir pada program ini ialah Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak, Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS; YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, Tuan Amir Fazlee bin Khalid, Ahli Majlis MPS Zon 6 dan barisan ketua jabatan dan agensi daerah Gombak. Semoga usaha penanaman 100 juta pokok bagi tempoh 5 tahun mulai tahun 2021 sehingga 2022 dilaksanakan dengan jayanya dalam usaha menyokong Program Penghijauan Malaysia.

PROGRAM SARINGAN KESIHATAN UNTUK KAKITANGAN MPS

28 SEPTEMBER 2022

KEMENTERIAN Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pejabat Kesihatan Daerah Gombak telah menganjurkan Program Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan 2022 kepada kakitangan MPS pada 28 dan 29 September 2022 bertempat di Lobi Menara MPS. Semua kakitangan telah diberi peluang sepanjang dua hari ini untuk menjalankan saringan kesihatan mengikut kategori yang telah ditetapkan iaitu berumur 40 tahun ke atas, tidak mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi dan masalah kolestrol serta tidak pernah menjalankan saringan dalam tempoh 3 tahun. Diharapkan semua kakitangan yang menyertai program ini lebih sedar, peka dan tahu tentang penjagaan kesihatan secara keseluruhannya.





LATIHAN MENEMBAK PISTOL, JABATAN PENGUAT KUASA DAN KESELAMATAN, MPS BAGI TAHUN 2022

1 OKTOBER 2022



100 orang anggota penguatkuasa MPS telah berjaya menamatkan latihan menembak pistol yang diadakan di Lapang Sasar Kelab Menembak Bandar Kajang (KMBK) pada 1 Oktober 2022. Latihan dimulakan dengan taklimat keselamatan dari wakil Range Officer (RO) KMBK.

Disiplin dan semangat penguatkuasa MPS amat di kagumi atas komitmen yang telah diberikan. Diharap dengan program latihan dan ceramah keselamatan seperti ini dapat membantu kesiapsiagaan semua peserta dalam menjalankan tugas sehari-hari.

OPERASI TIANG RANGKAJAN HARAM JABATAN BANGUNAN

3 OKTOBER 2022

MPS telah menjalankan operasi perobohan melibatkan struktur satu telekomunikasi berbentuk lampu limpah dwi-fungsi berketinggian 24 meter pada 29 September 2022 di Lot 48969 IWK GBK006, Taman Ehsan.

Pembinaan ini didapati dibina tanpa sebarang kelulusan daripada MPS. Sehubungan itu, tindakan perobohan telah dilaksanakan selaras dengan Akta Jalan, Part dan Bangunan 1974 (Akta 133).



SIDANG KEMUNCAK PERNIAGAAN ANTARABANGSA SELANGOR

7 OKTOBER 2022

MPS telah menyertai Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2022 yang telah berlangsung selama empat hari bermula 6 hingga 9 Oktober 2022. DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor telah berkenan merasmikan SIBS 2022 yang diadakan secara fizikal di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan juga secara maya. Reruai MPS berkongsi tentang informasi-informasi berkaitan pembangunan dan kawasan industri yang ditawarkan serta pembangunan sistem yang digunakan di MPS seperti MyMPS, eLesen dan Sistem Integrasi MPS. Persidangan anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation (SIDEK) ini bertujuan untuk membuka peluang kepada pemain industri tempatan dan antarabangsa bersidang untuk meneroka potensi pasaran ASEAN.









LAWATAN PENANDAARASAN PENGURUSAN HASIL MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI DAN MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI KE MPS

7 OKTOBER 2022

MPS telah menerima lawatan daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) yang diketuai oleh Puan Noorulhuda binti Mohammed Ali, Setiausaha MPSPK bersama 14 orang kakitangan MPSPK dan Majlis Perbandaran Langkawi (MPLBP) yang diketuai oleh Puan Harzanin binti Harun, Akauntan MPLBP bersama 2 orang kakitangan MPLBP pada 7 Oktober 2022. Lawatan penandaarasan ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan bil digital cukai taksiran serta penggunaan aplikasi MYMPS. Turut diadakan sesi perkongsian tentang tindakan promosi dan hebahan pendigitalan bil cukai taksiran serta strategi dan tindakan MPS dalam penguatkuasaan cukai taksiran selepas tempoh pandemik Covid-19. Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPS. Turut hadir ialah wakil dari Jabatan Korporat, Jabatan Perundangan serta Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS.





CERAMAH MAULIDUR RASUL

14 OKTOBER 2022

SAMBUTAN Maulidur Rasul peringkat MPS 1444H anjuran ANULAE MPS dengan kerjasama KSDK MPS telah diadakan pada 14 Oktober 2022 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis ini telah dihadiri oleh Tuan Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS. Turut hadir bersama Ahli-Ahli Majlis, Puan Ruzani binti Sohot selaku Pengurus ANULAE Cawangan MPS, pengarah jabatan dan warga kerja MPS. Majlis dimulakan dengan persembahan nasyid oleh Kumpulan Itayah dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS yang merupakan juara pertandingan Battle of Nasheedian MPS. Majlis Bicara Ilmu kali ini diadakan bersama penceramah jemputan iaitu Al-Fadhil Ustaz Che Amran bin Md Yusoff bertajuk 'Kekasih Kiriman Tuhan'. Majlis diakhiri dengan alunan qasidah dan selawat nabi yang dipimpin oleh pelajar-pelajar dari Maahad Tahfiz Watarbiyah, Kuang, Selangor.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN OKTOBER 2022 SERTA PELANCARAN BUKU PELAN CRM & BUKU PELAN OACP MPS

17 OKTOBER 2022

BAGI mengukuhkan agenda integriti, MPS telah melancarkan 2 buah buku iaitu Buku Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan Buku Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) MPS dalam Majlis Perhimpunan Bulanan MPS yang berlangsung pada 17 Oktober 2022 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YBhg. TPj. Dato' Haji Alias bin Salim, Ketua Pesuruhjaya SPRM Negeri Selangor. Majlis Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) oleh Ahli-Ahli Majlis dan kakitangan MPS diketuai oleh Tuan YDP MPS sambil disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM Negeri Selangor. Pada Majlis Perhimpunan Bulanan ini, Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS turut menyerahkan sumbangan dermasiswa sumbangan ANULAE cawangan MPS dan ANULAE Semenanjung Malaysia kepada anak-anak kakitangan MPS yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021. ANULAE MPS dan Kelab Sukan Dan Kebajikan MPS juga turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan bantuan keperluan harian kepada 16 orang kakitangan berketurunan India sempena sambutan Deepavali.





PROGRAM RKK BATU ARANG

19 OKTOBER 2022

MAJLIS Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar (RKK) Batu Arang 2030 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato Menteri Besar Selangor pada 21 Oktober 2022 bertempat di Galeri Batu Arang, Pekan Batu Arang.

Turut sama hadir pada majlis ini adalah YB Tuan Ng Sze Han, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor; Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS; Tuan TPr. Md Nazri bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah PlanMalaysia, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' Dr. Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Kaya Maha Bijaya Orang Besar Daerah Gombak, wakil-wakil jabatan kerajaan dan agensi; Ahli-ahli Majlis MPS; wakil penduduk dan barisan pengurusan MPS.

Sebanyak 49 projek telah dicadang untuk dibangunkan melalui RKK Bandar Batu Arang 2030 ini, antaranya 11 projek berimpak tinggi, 21 projek sokongan dan 17 projek quick win yang merupakan projek yang strategik serta memberi impak jangka panjang kepada pembentukan dan pertumbuhan ekonomi di daerah Gombak.







PROGRAM KUCING ANGKAT – SAYANGI KUCING JALANAN

27 OKTOBER 2022

MPS meneruskan inisiatif terhadap kucing terbiar yang telah ditangkap untuk mendapatkan rumah baharu dan dipelihara oleh pemilik baharu menerusi Program Kucing Angkat : ‘Sayangi Kucing Jalanan’. Program kali kedua ini telah diadakan pada 27 Oktober 2022 bertempat di Lobi Menara MPS.

Pada program ini, sebanyak 19 ekor kucing telah diambil untuk dipelihara. MPS mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyertai program ini dan diharapkan kucing-kucing jalanan tersebut dapat dipelihara serta diberikan kasih sayang yang secukupnya oleh pemilik yang baharu.

Turut hadir ialah pihak NGO, Profesor Madya Dr. Norsaremah binti Salleh bersama Puan Zarinah Jan binti Yusof Khan, Pegawai Khas Timbalan Rektor IIUM mewakili Kelab Abu Hurairah dari IIUM.





MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

31 OKTOBER 2022

MESYUARAT Kajian Semula Pengurusan telah diadakan pada 31 Oktober 2022 bertempat di Bilik Anggerik Tingkat 9, Menara MPS. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tuan Mohamad Yazid bin Sairi, Yang Dipertua, MPS.

Setiap jabatan perlu membentangkan Laporan Objektif Kualiti bagi tempoh Januari hingga Jun 2022. Selain itu, Ketua Audit ISO juga telah membentangkan laporan penemuan pelaksanaan Audit Dalam pada 3 hingga 14 Oktober 2022.

TAKLIMAT BENCANA BOMBA

1 NOVEMBER 2022

MPS telah mengadakan Taklimat Penyelarasan Menghadapi Bencana Alam di dalam Kawasan Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2022 pada 1 November 2022 bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Taklimat yang disampaikan oleh Pgkb (II) Tuan Samsol Maarif bin Saibani dari Balai Bomba dan Penyelamat Rawang ini adalah untuk memberi pendedahan tentang fungsi jabatan dan agensi kerajaan dalam mengatasi masalah jika berlakunya bencana banjir dan langkah-langkah yang perlu diambil semasa berlakunya banjir. Turut hadir Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS, barisan Ahli-ahli Majlis MPS; Tuan Ahmad Faisal bin Baiduzaman, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS; Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat dan wakil-wakil jabatan.





BIG BOYS' CAMP SHIELD 2022

4 NOVEMBER 2022

PROGRAM Big Boys' Camp SHIELDS 2022 telah diadakan pada 2 hingga 4 November 2022 bertempat di Kem Nur Laman Bestari, Ulu Yam. Program ini merupakan anjuran MPS dan Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Selangor dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Gombak ini melibatkan 60 orang peserta dari 2 Mukim iaitu Mukim Batu & Mukim Setapak. Program ini bertujuan untuk memberi penekanan terhadap peningkatan pengetahuan mengenai bahaya dadah serta turut menitikberatkan pengisian motivasi dan santapan rohani menerusi aktiviti selingan iaitu ceramah agama serta penekanan prinsip moral terhadap peserta. Penglibatan bersama orang kampung juga diselitkan agar mereka dapat mengadaptasikan diri dalam suasana kemasyarakatan. Majlis Perasmian Penutup program ini telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Turut hadir ialah Tuan Nazir bin Mohamad, Pengarah AADK Selangor; Tuan Dr. Abdul Aziz bin Ismail, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Gombak; Encik Mohd Khairil Anuar bin Othman, Ketua Pegawai AADK Gombak; Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS, wakil-wakil agensi serta ketua kampung.



AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015

10 NOVEMBER 2022

AUDIT Pemantauan MS ISO 9001:2015 telah diadakan pada 9 hingga 11 November 2022. Mesyuarat pembukaan audit telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS.

Sesi pengauditan ini diketuai oleh Encik Mohd Nasir bin Zainuddin selaku Ketua Audit dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bersama-sama 2 orang auditor iaitu Encik Zulkifli bin Abdullah dan Encik Wan Khairul Anuar bin Wan Ali. Sesi pengauditan ini dijalankan bagi memastikan prosedur kerja dipatuhi dan mengikut piawaian yang ditetapkan.

KEMPEN DERMA DARAH DENGAN KERJASAMA PUSAT DARAH NEGARA

24 NOVEMBER 2022

ANULAE Cawangan MPS yang telah menganjurkan Kempen Derma Darah dengan kerjasama Pusat Darah Negara. Penganjuran kempen yang berlangsung di Lobi Menara MPS pada 24 November 2022 telah disertai oleh seramai 107 orang penderma. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS bersama Dr. Afifah binti Haji Hassan, Pengarah Pusat Darah Negara turut berkesempatan meluangkan masa melawat program derma darah ini.

Semoga usaha murni ini akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa bagi membantu para pesakit yang memerlukan.





MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PERTANDINGAN FOTOGRAFI DAN VIDEO PENDEK SEMPENA 25 TAHUN MPS

29 NOVEMBER 2022

TAHNIAH diucapkan kepada 16 pemenang yang telah berjaya dalam Pertandingan Fotografi dan Video Pendek sempena 25 Tahun MPS. Satu majlis penyampaian hadiah telah diadakan pada 29 November 2022 bertempat di Lobi Menara MPS. Penyampaian telah disampaikan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS dan turut hadir adalah Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPS, Ahli-Ahli Majlis serta para pengarah MPS.

MAJLIS CABUTAN BERTUAH MyMPS SEMPENA SAMBUTAN 25 TAHUN MPS

29 NOVEMBER 2022

TAHNIAH diucapkan kepada 53 orang pemenang Cabutan Bertuah MyMPS yang telah berlangsung pada 29 November 2022 di Dewan Keraian, Menara MPS. Sesi cabutan ini turut dipancarkan secara langsung menerusi Facebook MPS. Cabutan bertuah MyMPS ini diadakan adalah bagi menghargai orang ramai yang telah mendaftar dan membuat bayaran pelbagai melalui portal MyMPS. Wang tunai yang ditawarkan sehingga RM50,000 telah dimenangi oleh para pemenang bertuah mengikut kategori yang dipertandingkan.

Turut serta dalam sesi cabutan ini adalah Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Tuan Timbalan Yang Dipertua MPS; Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPS; Tuan Amir Fazlee bin Khalid dan Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim selaku Ketua WHIP Ahli Majlis MPS serta Tuan Haji Muhammad Najmi bin Samsudin, Ahli Majlis MPS.



KUNJUNGAN HORMAT DARI PLANMALAYSIA@SELANGOR KE MPS

29 NOVEMBER 2022

PLANMalaysia@Selangor telah mengadakan kunjungan hormat ke MPS pada 29 November 2022 bertempat di Pejabat Yang Dipertua MPS yang diketuai oleh Tuan TPr. Khairulzaman bin Ibrahim, Pengarah PLANMalaysia@Selangor. Sesi ini diadakan bagi mengeratkan lagi kerjasama strategik antara MPS dengan PLANMalaysia@Selangor seterusnya dapat berkolaborasi pada masa akan datang. Turut hadir Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Puan TPr. Noriza binti Bahari, Pengarah Jabatan Perancang Bandar serta wakil-wakil dari Jabatan Perancang Bandar MPS.





ANUGERAH BANDAR MAMPAN TERBAIK 2022

8 NOVEMBER 2022

MAJLIS Perbandaran Selayang telah berjaya merangkul Tempat Pertama Anugerah Bandar Mampan Terbaik 2022 (Kategori Perbandaran) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2022. Sambutan telah diadakan pada 8 November 2022 bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

HPBS diadakan bertujuan untuk meraikan dan menghargai peranan perancang bandar dalam perancangan dan pembangunan khususnya ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan pembentukan masyarakat yang sejahtera. Tahniah diucapkan kepada MPS di atas kejayaan yang telah dicapai.



SESI TOWN HALL MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG BERSAMA WAKIL PENDUDUK DAN BADAN PENGURUSAN STRATA

5 DISEMBER 2022

SESI Town Hall Majlis Perbandaran Selayang bersama Wakil Penduduk dan Badan Pengurusan Strata telah diadakan pada 5 Disember 2022 bertempat di Dewan Beringin, Taman Seri Gombak.

Objektif pelaksanaan town hall ini adalah untuk membincangkan isu berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan penglibatan Ahli-Ahli Majlis, MPKK, JMB, MC dan wakil-wakil penduduk setempat serta KDEBWM Sdn. Bhd. Ia juga untuk menambahbaik prosedur sedia ada dan meneliti cadangan-cadangan bagi meningkatkan kualiti dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Turut hadir Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS; Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS; Encik Muhamad Idris bin Mohamed Yusuf, Pengurus Besar KDEBWM Sdn. Bhd., Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan MPS dan Tuan Sr. Mohd Asraf bin Mat Yajid, Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MPS.



KUNJUNGAN HORMAT DARITENAGA NASIONAL BERHAD (TNB) SELANGOR DAN KUALA LUMPUR KE MPS

7 DISEMBER 2022

MPS telah menerima kunjungan hormat dari Tenaga Nasional Berhad (TNB) Selangor dan Kuala Lumpur pada 7 Disember 2022 bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS diketuai oleh YBrs. Tuan Ir. Ts. Ahmad Rezahan bin Mohamad, Pengurus Besar TNB (Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Cyberjaya) serta barisan pengurusan yang lain. Sesi ini diadakan untuk berkongsi dan memberi penerangan berkaitan isu-isu semasa di antara MPS dan Tenaga Nasional Berhad TNB serta mengerakkan kerjasama strategik pada masa akan datang.

Turut hadir Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS; Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS; Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat; Puan Rohayu binti Ramli, Timbalan Pengarah Jabatan Perbendaharaan serta wakil-wakil dari Jabatan Perancang Bandar MPS dan Jabatan Kejuruteraan MPS.





PERTANDINGAN AKHIR BATTLE OF THE BAND MPS 2022

10 DISEMBER 2022


KUMPULAN Betta Band telah dinobatkan sebagai Juara Pertandingan Battle of The Band MPS 2022 yang telah diadakan pada 10 Disember 2022 bertempat di Dataran Sungai Tua, Batu Caves.

Peringkat saringan pertandingan ini telah diadakan pada sesi petang manakala pertandingan akhir telah diadakan pada sebelah malam. Pada pertandingan ini, turut dipertandingkan 7 Anugerah Khas. Majlis Penyampaian Hadiah telah disampaikan oleh Tuan Mohammad Faizal bin Ismail , Ahli Majlis JKP Zon 8 dan diiringi oleh Encik Affendei bin Samingan, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat. Pada pertandingan ini turut diserikan dengan persembahan artis jemputan iaitu Mamat EXIST.

PROGRAM TANAM 25 RIBU POKOK

19 DISEMBER 2022

PROGRAM Tanam 25 Ribu Pokok sempena Sambutan 25 Tahun Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan secara serentak di 24 Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPS selain melibatkan pihak pemaju, agensi kerajaan, swasta, sekolah dan sukarelawan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak pada 17 Disember 2022 bertempat di Central Park, Gamuda Gardens. Program ini merupakan usaha MPS menyahut seruan Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bagi menanam 26 juta pokok di Negeri Selangor menjelang tahun 2026. Pelbagai aktiviti sampingan lain turut diadakan kepada pengunjung yang hadir ke Central Park, Gamuda Gardens seperti sukaneka dan sukan rakyat. MPS berharap usaha ini dapat menghasilkan suasana kelestarian, kehijauan, keindahan dan keselesaan akan menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat.









PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA PETUGAS TRAGEDI TANAH RUNTUH DI BATANG KALI

21 DISEMBER 2022

MISI Penyerahan Sumbangan kepada petugas tragedi tanah runtuhan di Batang Kali telah diadakan pada 21 Disember 2022. Misi ini telah diketuai oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS. Turut hadir bersama Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS dan Ahli Majlis. Team MPS telah disambut oleh YM Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Pegawai Daerah Hulu Selangor dan Tuan Alawuddin bin Zakaria, Timbalan yang Dipertua MPHS. Sumbangan bernilai RM5,000.00 yang berupa 24 kotak air mineral, 30 kotak minuman tenaga, 200 pek roti dan 160 kotak makanan ringan telah diedarkan kepada para petugas yang terlibat.

LATIHAN KEBAKARAN

29 DISEMBER 2022

LATIHAN Simulasi Kebakaran (Fire Drill) telah diadakan pada 30 Disember 2022 bertempat di Majlis Perbandaran Selayang. Objektif latihan ini adalah bagi meningkatkan kesedaran, kemahiran dan pengetahuan kepada warga MPS agar bersiap sedia jika berlaku kebakaran. Selain itu, ia juga bertujuan untuk membuat perancangan yang teliti berkaitan dengan SOP kebakaran dan penambahan sistem kebakaran yang sedia.









MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

 603-6126 5800  603-6138 8933  www.mps.gov.my  aduanmps@mps.gov.my  1-800-222-677

